

AKHBAR : BH AHAD
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NASIONAL

Pusat kecantikan tawar doktor palsu bahayakan pelanggan

Pengguna diminta waspada salunguna khidmat juruterapi tiada ilmu perubatan, produk tiruan

Oleh Mahani Ishak
mahani@bh.com.my

Kuala Lumpur: Semakin banyak pusat kecantikan atau pusat estetik di negara ini dikesan beroperasi tanpa lesen, termasuk berselindung sebagai klinik umum dan salun kecantikan, selain ada menawarkan 'doktor palsu' yang diragui kepakarannya.

Malah, ada pusat kecantikan menawarkan pelbagai prosedur rawatan, termasuk pembedahan sedangkan mereka tidak memiliki pentauliahan *Letter of Credentialing and Privileging (LCP)* yang diperakui Kementerian Kesihatan (KKM).

Mendedahkan demikian, Pengarah Amalan Perubatan KKM, Dr Mohamed Iqbal Hamzah, berkata terdapat ramai juruterapi kecantikan atau seseorang yang tiada langsung latar belakang perubatan, cenderung menjadi doktor palsu untuk memberikan perkhidmatan kecantikan secara tidak sah.

Katanya, LCP diperkenalkan sejak 2013 membenarkan pengamal perubatan dalam bidang estetik dan LCP mempunyai tempoh sah tiga ta-

hun sebelum perlu diperbaharui semula.

"Pengamal perubatan akan mendapat LCP selepas lulus penilaian bertulis (MCQ) dan baru calon dipanggil temu duga. Inilah perkara yang membezakan mereka dengan pengamal kecantikan di luar sana.

"KKM juga mengesan terdapat individu yang kononnya memiliki ijazah doktor falsafah (PhD)

untuk mengaburi mata orang awam sedangkan seseorang yang ingin mendapatkan perakuan LCP dan menyediakan perkhidmatan perubatan estetik, wajib mempunyai Ijazah Doktor Perubatan (MD) atau Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Pembedahan (MBBS) terlebih dahulu," katanya kepada BH.

Dr Mohamed Iqbal berkata, daripada 11,088 klinik swasta berdaftar dengan KKM, hanya kira-kira 448 klinik estetik mempunyai pentauliahan LCP.

Daripada jumlah itu, hanya kira-kira 812 pengamal perubatan mempunyai perakuan LCP dan kebanyakan mereka menjalankan operasi di Lembah Klang.

Senarai klinik terbabit boleh disemak melalui laman sesawang Kementerian itu menerusi pautan Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta (CKAPS) dan National Registry of Registered Medical Practitioners Practising Aesthetic Medical Practice.

Dr Mohamed Iqbal berkata, disebabkan perkhidmatan estetik semakin mendapat sambutan

mengalakkan, banyak pusat kecantikan menggajikan doktor asing untuk berkhidmat walaupun membawa risiko berbahaya kepada orang ramai.

"Doktor asing ini pula tidak dapat ditentusahkan status mereka," katanya.

Perkhidmatan invasif

Katanya lebih membimbangkan, ramai tidak mengetahui mengenai perkhidmatan invasif atau prosedur estetik adalah perkara yang dilarang dilakukan di pusat kecantikan dan salah di sisi undang-undang.

"Antara perkhidmatan tidak dibenarkan termasuk suntikan filler (pengisi) dalam payudara, bibir serta di punggung, pembedahan lesung pipit, tanam benang, suntikan

Platelet Rich Plasma (PRP) dan *Botox*.

"Perkhidmatan ini hanya boleh dilakukan doktor di klinik

swasta atau premis jagaan kesihatan berdaftar dan memerlukan doktor yang mempunyai LCP," katanya.

Beliau berkata, pelanggan salun kecantikan haram juga berisiko mengalami komplikasi kerana cenderung menggunakan produk tidak berdaftar atau tiruan yang banyak dijual dalam talian.

"Bayangkan kebiasaan filler dengan dos 10 milimeter (ml) berharga ribuan ringgit, tetapi jika diperiksa dalam talian, ada dijual dalam bentuk pukul dengan harga murah yang sangat tidak masuk akal, tanpa label atau arahan penggunaan serta boleh dibeli sesiapa sahaja.

"Kesan penggunaan produk yang mungkin tiruan itu membuatkan ramai mengalami komplikasi, luka bernanah, keadaan kulit bertambah teruk dan akhirnya pengguna terpaksa dirujuk ke hospital," katanya.

Beliau berkata, mereka yang didapati menjalankan rawatan tanpa LCP, manakala premis tidak didaftarkan di bawah Akta

3 kategori pengamal perubatan estetik

1. Pengamal perubatan am (GP) estetik
2. Pakar perubatan yang mengamalkan amalan perubatan estetik (tanpa pembedahan) seperti dermatologi.
3. Pakar pembedahan untuk amalan estetik yang merangkumi pakar bedah plastik; oftalmologi (kesihatan mata); pembedahan telinga, hidung dan kerongkong (ENT) dan lain-lain.

Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] boleh diambil tindakan tutup premis.

"Orang ramai dinasihatkan mendapatkan rawatan estetik di hospital atau klinik berdaftar atau berlesen, menggunakan khidmat pengamal perubatan berdaftar yang mempunyai LCP bagi memastikan perkhidmatan penjagaan kesihatan diterima selamat dan berkualiti.

"Orang ramai juga diingatkan sentiasa menyemak amalan 3P apabila mencari perkhidmatan perubatan estetik. Premis juga mesti mempamerkan lesen atau sijil pendaftaran (Borang B atau Borang F) dengan KKM serta pengamal mesti memiliki Persijilan Amalan Tahunan (APC) dan LCP yang juga mematuhi prosedur mengikut senarai yang ada dalam LCP," katanya.



Dr Mohamed Iqbal



Istilah 'medispa' kelirukan orang awam

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) menganggap penggunaan istilah 'medispa' yang banyak digunakan salun kecantikan sangat mengelirukan orang awam berikutan ia seakan-akan setara klinik atau pusat perubatan.

Pengarah Amalan Perubatan KKM, Dr Mohamed Iqbal Hamzah, berkata istilah itu memberi persepsi kepada orang ramai bahawa ia turut berwibawa untuk menjalankan sebarang rawatan dan prosedur perubatan.

Katanya, medispa popular sejak 2010 apabila ada doktor perubatan turut mengusahakannya sebagai spa kecantikan.

Namun, Dr Mohamed Iqbal menegaskan, dalam konteks sebenar, medispa walaupun diusahakan doktor atau prosedurnya dijalankan oleh doktor, ia bukan premis kesihatan atau klinik yang berdaftar dengan KKM.

"Sebarang prosedur dijalankan di medispa hanya terbatas dengan prosedur yang boleh dijalankan di spa biasa," katanya kepada BH.

Beliau berkata, medispa dan spa adalah pusat kecantikan yang berdaftar atau dilesenkan pihak berkuasa tempatan (PBT) sahaja sebagai entiti perniagaan biasa.

"Tiada sebarang prosedur estetik yang invasif boleh dijalankan

di medispa. Prosedur invasif itu termasuk suntikan filler, Botox, threadlift, sedut lemak, laser dan sebagainya tidak boleh dijalankan di medispa.

"Begitu juga suntikan membesarkan payudara atau punggung yang memang tidak dibenarkan dijalankan di mana-mana premis sekalipun kerana ia prosedur tidak sah," katanya.

Dr Mohamed Iqbal berkata, persepsi masyarakat yang menganggap medispa premis yang boleh menyediakan perkhidmatan prosedur estetik yang invasif adalah salah dan perlu diperbetulkan.

Katanya, spa atau medispa ti-

dak dilengkapi peralatan dan ubat kecemasan seperti diwajibkan di premis jagaan kesihatan di bawah KKM.

Justeru, jika berlaku sebarang kes kecemasan atau komplikasi daripada prosedur tidak sah itu, keselamatan dan nyawa pelanggan berada dalam bahaya.

"Jika pengamal perubatan bekerja di medispa, besar kemungkinan pengamal itu tidak mempunyai kelayakan untuk menjalankan prosedur estetik.

"Orang ramai yang ingin mendapatkan rawatan estetik membatalkan prosedur *invasive* (termasuk *minimally invasive*) diingatkan

mendapatkannya di klinik perubatan yang berdaftar dengan KKM.

"Jika ingin mendapatkan rawatan kecantikan yang tidak invasif, orang awam boleh mengunjungi spa atau medispa," katanya.

Mengikut takrifan *Kamus Dewan Edisi Keempat*, perkataan spa bermaksud tempat yang menawarkan rawatan kesihatan dan kecantikan dengan cara mandi wap, khidmaturut dan sebagainya.

Perkataan medispa tiada dalam takrifan dalam mana-mana kamus. Ia hanya gabungan antara perkataan medikal dan spa.

AKHBAR : BH AHAD
MUKA SURAT : 11
RUANGAN : KOMENTAR

BelalangJalanRiong

bhrencana@bh.com.my

Musykil remaja 14 tahun boleh menyamar doktor, masuk dewan bedah

Belalang bingung dan cuak apabila membaca laporan seorang remaja wanita berusia 14 tahun ditahan polis kerana menyamar sebagai pegawai perubatan di sebuah hospital kerajaan di Serdang, beberapa hari lepas.

Setahu Belalang, setiap hospital memiliki barisan pengawal keselamatan paling cerewet dan tegas di setiap pintu masuk bangunan. Prosedur masuk hospital juga amat ketat. Bukan mudah hendak masuk bangunan hospital, wad apatah lagi bilik kecemasan tidak tentu pasal.

Insiden ini menimbulkan persoalan terhadap tahap kawalan keselamatan hospital sehingga mudah dibolosi orang awam apatah lagi remaja yang kalau masih bersekolah, baru berada di Tingkatan Dua. Gadis ini menyamar seperti perisik dalam filem perisikan Hollywood.

Kementerian Kesihatan (KKM) perlu lakukan sesuatu untuk elak insiden berulang kerana ia menyentuh soal keselamatan nyawa dan kesihatan manusia.

AKHBAR : KOSMO AHAD
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NEGARA

8 Negara!

Kosmo! Ahad 11 OGOS 2024

Motif ceroboh Hospital Serdang, menyamar penjawat awam belum diketahui 'Doktor remaja' dirujuk psikiatri

Oleh **TUAN NURHIDAYAH
TUAN AB. GHANI**

PETALING JAYA – Remaja perempuan yang ditahan kerana menyamar sebagai pegawai perubatan di Hospital Sultan Idris Shah (HSIS), Serdang dekat sini akan dirujuk kepada pakar psikiatri dalam masa terdekat.

Ketua Polis Selangor, Datuk Hussein Omar Khan berkata, siasatan awal mendapati remaja berusia 14 tahun itu dipercayai bertindak demikian kerana mengalami gangguan fikiran.

"Tiada sebarang motif (menyamar pegawai perubatan) dan dia (suspek) akan dirujuk ke hospital pakar untuk pemeriksaan psikiatri.

"Remaja itu dibebaskan dengan jaminan polis selepas tempoh remannya tamat hari ini (semalam) sementara kertas siasatan berhubung kejadian itu sedang dilengkapkan," katanya ketika dihubungi Kosmo! Ahad semalam.

Suspek ditahan reman selama dua hari bermula kelma-



SUSPEK (tengah) akan dirujuk kepada pakar psikiatri bagi mengetahui tahap kesihatan mentalnya.

rin. Perintah reman terhadap remaja itu dibenarkan Majistret Muhammad Bukhori Md. Ruslan

di Mahkamah Majistret Sepang kelmarin.

Siasatan lanjut dijalankan

KERATAN Kosmo! semalam.

mengikut Seksyen 448 Kanun Keseksaan dan Seksyen 170 ka-

nun yang sama iaitu kesalahan menceroboh dan menyamar penjawat awam.

Sebelum ini Kosmo! melaporkan seorang remaja perempuan berusia 14 tahun ditahan selepas dipercayai menyamar sebagai pegawai perubatan dan sempat bergelar doktor pakar selain merawat pesakit di Klinik Pakar Pembedahan (SOPD).

Suspek yang bertubuh kurus itu mempunyai pas kerja, peralatan doktor dan mampu mengakses komputer serta membuat rondaan pesakit di wad-wad hospital berkenaan.

Remaja itu kemudiannya ditahan pukul 9 pagi di lobi HSIS pada Khamis lalu.

Pihak hospital pada mulanya beranggapan remaja itu adalah pelajar perubatan yang ingin mengikuti pembelajaran di HSIS.

Ini kerana terdapat pelajar daripada lebih 10 institusi perubatan yang sedang menjalani latihan di hospital itu.

Pihak hospital juga tidak menghalang mana-mana pelajar perubatan untuk mengikuti latihan di hospital berkenaan.

AKHBAR : SINAR AHAD
MUKA SURAT : 28
RUANGAN : NASIONAL

Remaja menyamar petugas hospital bukan tiru rancangan televisyen

SHAH ALAM - Remaja perempuan berusia 14 yang ditahan kerana menyamar sebagai petugas hospital pada Khamis lalu dibebaskan dengan jaminan polis pada Sabtu.

Ketua Polis Daerah Sepang, Asisten Komisioner Wan Kamarul Azran Wan Yusof berkata, remaja perempuan itu mengaku melakukan perbuatan itu sekadar suka-suka untuk mengetahui jika dia diberi perkhidmatan rawatan lebih cepat jika menyamar sebagai petugas hospital.

"Siasatan mendapati dia melaku-

kan perbuatan ini bukan kerana terpengaruh atau ingin meniru rancangan ditonton di televisyen," katanya ketika dihubungi di sini pada Sabtu.

Tambah beliau, kertas siasatan berhubung kes tersebut sedang dilengkapkan dan akan dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya untuk tindakan selanjutnya.

Kes disiasat mengikut Seksyen 448 Kanun Keseksaan dan 170 Kanun Keseksaan iaitu menceroboh dan menyamar sebagai penjawat awam.

Sementara itu, Ketua Polis Selangor,

Datuk Hussein Omar Khan berkata, remaja berkenaan akan dirujuk ke hospital pakar untuk pemeriksaan psikiatri dalam masa terdekat.

Jelasnya, siasatan awal mendapati tindakan remaja tersebut kerana rana fikiran terganggu.

"Suspek akan dirujuk ke hospital pakar untuk pemeriksaan psikiatri.

"Remaja tersebut akan dibebaskan dengan jaminan polis selepas tempoh reman tamat hari ini (Sabtu) sementara kertas siasatan dilengkapkan," katanya.

AKHBAR : SUNDAY STAR
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NATION

Girl who impersonated a doctor out on bail

PETALING JAYA: The 14-year-old girl who was arrested for allegedly trespassing and impersonating a doctor at Sultan Idris Shah Hospital (HSIS), Serdang, has been granted police bail.

Selangor OCPD Asst Comm Wan Kamarul Azran Wan Yusof said that bail had been granted yester-

day afternoon.

He added that the investigation paper would be handed over to the deputy public prosecutor in the near future.

Meanwhile, Selangor police chief Comm Datuk Hussein Omar Khan, when contacted, said the girl was found to have "fikiran

terganggu" (troubled thoughts), but there has been no motive.

The girl was arrested at HSIS on Thursday after she was believed to have impersonated a medical doctor.

Police also seized scrubs and a hospital lanyard from her.

Initial investigation revealed

that she had claimed to be a doctor and offered to assist in performing surgeries.

A police report was lodged on Aug 7 after the unknown girl was found inside an operating theatre.

Her two-day remand expired yesterday.